

# Elak terima maklumat palsu

Ketua kampung disaran bantu LZS pilih pemohon zakat yang benar-benar layak

**BANTING** - Ketua kampung digesa membuat saringan terhadap pemohon bantuan zakat bagi mengelakkan maklumat palsu diterima.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, ia penting bagi memudahkan amil Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan amil dalam kalangan nazir masjid membuat saringan.

Menurutnya, kebertanggungjawaban penting dalam mengagihkan bantuan kepada golongan sasaran dan bukannya mereka yang memberi maklumat palsu.

"Ketua kampung adalah kumpulan yang boleh diberikan tanggungjawab membuat tapisan terbaik dan bukan-

nerima zakat.

"Saya tak nak maklumat palsu menjadi budaya pemohon supaya senang menerima bantuan," katanya sempena Program Bantuan Ramadan dan Aidilfitri 2016 Daerah Kuala Langat di Masjid Al-Taqwa Banting.

Beliau berkata, penggunaan masjid disokong sebagai lokasi tapisan mendapatkan maklumat yang sahih dan tidak diragui.

Katanya, LZS mempunyai sistem yang baik namun sesuatu yang memalukan sekiranya ada sikap ketidakbertanggungjawaban atau penyalahgunaan kuasa.

"Kita tak nak unsur penipuan dalam masyarakat menyebabkan mereka yang benar-benar layak tak dapat faedah.

"Sebab itulah, kita guna



Ahmad Yunus (tengah) ketika menyampaikan bantuan zakat kepada penerima.

maklumat selain ketua kampung menjadi perantara memastikan pemohon benar-benar layak," katanya.

Sementara itu, Pengurus Sektor Pengurusan LZS

Rashid berkata, seramai 3,696 penerima fakir dan miskin di daerah ini menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM2,753,570.

Menurutnya, daripada

nerima dengan agihan zakat RM352,870 diserahkan pada majlis berkenaan.

"Bantuan ini sebenarnya menampung belanja penerima bukannya mencukupkan, ke-

perbelanjaan keluarga yang memerlukan.

"Namun, penerima perlu memanfaatkan bantuan yang ada dengan baik dan tidak membazir," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengakui terdapat pemohon memberi maklumat palsu setelah membuat rundingan dengan tuan rumah mengenai kadar sewa rumah mereka.

Katanya, tindakan itu menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab pemohon.

"Pemohon perlu ikhlas dan tidak memanipulasikan fakta mereka kerana ia hanya memberi masalah kepada penerima yang benar-benar layak.

"Dalam aspek perubatan pula, pemohon perlu ada pengesahan doktor dan bukan sewenang-wenangnya memberi maklumat palsu mengenai